

28 FEB 2003

Mahathir-kraftangan

KONSEP "SATU KAMPUNG, SATU INDUSTRI" DIPERBAHARUI

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan memperbaharui konsep 'Satu Kampung, Satu Industri' dengan mengadakan kilang kecil bagi satu kampung untuk membangunkan kawasan luar bandar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini, kerajaan sedang membuat percubaan tentang kilang kecil di desa itu untuk memajukan kraftangan dan industri kecil di kampung.

"Tanda-tanda cara ini disambut baik dan beri pekerjaan kepada penduduk kampung yang tidak dapat atau tidak mahu tinggalkan kampung mereka, sudahpun ternampak," katanya ketika berucap merasmikan Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur di Jalan Conlay di sini hari ini.

Sempena sambutan itu, ekspo kraf akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini yang meliputi pameran teknologi kraf, pameran produk baru kraf dalam bidang tekstil, hasil rimba, seramik dan logam, pameran produk untuk pasaran eksport serta pameran produk pelajar Institut Kraf Negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyokong industri kecil seperti pembuatan kraf yang disusun sebagai kilang kecil dan diurus mengikut cara komersial.

Menurutnya pembuatan kraf boleh diusahakan secara teratur dengan kilang mengamalkan disiplin tempat kerja seperti membahagikan tugas dan menggunakan mesin.

"Latihan juga boleh diberi kepada yang berminat dalam bidang pengurusan kilang," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata amalan kerja industri lain seperti penetapan masa bekerja atau pembayaran gaji tetap pula akan mempercepatkan proses pengeluaran dan memastikan barangan kraf menepati permintaan pasaran.

"Sudah tentu barangan yang dihasilkan dengan mesin bukanlah kraf yang sebenar... tetapi bagi kerja tertentu seperti membelah buluh dan menyediakan bahan untuk anyaman atau melukis batik dan lain-lain sesuai untuk mesin, sepatutnya tidak dibuat dengan tangan," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata masyarakat seharusnya mengubah sikap dan bersedia untuk bersaing bagi memajukan diri dan bangsa dan tidak hanya bergantung kepada bantuan wang daripada kerajaan semata-mata.

Menurut Perdana Menteri rakyat perlu menyesuaikan diri dengan aliran zaman supaya tidak ketinggalan.

"Sudah banyak bangsa dan tamadun yang hilang dari muka bumi ini, janganlah kita menjadi satu daripadanya," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Tokoh Kraf Negara kepada Zainab @ Ngah Mamat, 61, dari Terengganu.

Zainab yang telah menceburi aktiviti tenunan songket selama 45 tahun, menerima watak penghargaan, wang tunai sebanyak RM30,000, sepasang persalinan songket lengkap, tambang perjalanan dan sara hidup bernilai RM1,500 dan bayaran perubatan bernilai RM7,000.

-- BERNAMA

SHI SHI LAT